

Keseimbangan akademik, kokurikulum jamin peluang kerjaya

Malaysia adalah sebuah negara yang sedang pesat membangun setanding negara membangun lain dari segi ekonomi, infrastruktur, dan pendidikan.

Bagi melahirkan warga negara yang mempunyai minda kelas pertama dan berketrampilan, pelbagai usaha dan inisiatif giat dijalankan melalui saluran pendidikan agar dapat meneruskan arus pembangunan pada hari ini.

Namun, dalam menghadapi dunia yang penuh mencabar ketika ini, pasaran kerjaya amat memerlukan individu yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik malah berkebolehan dalam pelbagai kemahiran lain. Perkara ini sejajar dengan falsafah pendidikan di Malaysia, iaitu memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh, mewujudkan insan yang seimbang dari segi rohani, jasmani, emosi dan intelek serta melahirkan rakyat Malaysia yang mampu memberi sumbangan terhadap kesejahteraan masyarakat dan negara.

Persoalannya, bagaimanakah seseorang individu itu mampu memberikan sumbangan terhadap masyarakat dan negara? Jawapan paling tepat adalah melalui kerjayanya.

Tidak dapat dinafikan tujuan seseorang itu belajar bukan hanya kerana ilmu semata-mata, malah untuk memperoleh pekerjaan yang baik dan sesuai setelah tamat belajar di universiti. De-

ngan kerjaya inilah seseorang mampu untuk membangunkan diri, keluarga, seterusnya masyarakat sekitar dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, sosial, agama dan sebagainya.

Rungutan sukar dapat kerja

Perkara yang menjadi rungutan kebanyakan graduan masa kini adalah kesukaran memperoleh pekerjaan. Hakikatnya, mahasiswa berdepan pelbagai kemelut yang tidak dijangka dan kehebatan dunia yang semakin kompleks serta sukar difahami.

Bergantung harap kepada ilmu berasaskan buku semata-mata tidak membantu siswa untuk bersaing terutama dalam dunia pekerjaan. Atas alasan inilah Kementerian Pendidikan Malaysia memberi penekanan terhadap aktiviti kokurikulum yang dijalankan sama ada di peringkat sekolah atau universiti.

Secara realitinya, prestasi akademik semata-mata tidak mampu menyumbang ke arah masa depan mahasiswa yang cemerlang. Ia perlu bergerak seiring dengan aktiviti kokurikulum untuk menjamin sekeping ijazah yang laku di pasaran kerja.

Hal ini terbukti apabila bekas Ketua Eksekutif PROTON, Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Arif menyatakan bahawa kebanyakan graduan tempatan gagal dalam temuduga di syarikat tertentu kerana mereka tidak mampu meyakinkan penemuduga akan ke-



Kecemerlangan akademik dan kokurikulum memudahkan siswa membina kerjaya. [FOTO HIASAN]

lebih yang ada pada diri masing-masing.

Melihat kepada isu ini, jelas dan nyata bahawa aktiviti kokurikulum amat penting dalam membangun dan mengasah ba-

kat serta kemahiran mahasiswa mengenai sesuatu perkara.

Sebagai contoh, dalam program perkhemahan pelajar ataupun program lain, ia akan diterajui oleh organisasi tertentu

seperti ketua program, setiausaha, bendahari, dan ahli jawatankuasa pelaksana yang lain. Dari sini, mahasiswa akan dapat membiasakan diri dengan jawatan dan tugas yang diamanahkan sekaligus membolehkan mereka menguasai kemahiran tertentu seperti kemahiran kepimpinan, berkomunikasi, kerja berkumpulan dan sebagainya.

Kokurikulum main peranan

Contoh yang lain, apabila seseorang mahasiswa itu minat berbahasa Arab ataupun bahasa Inggeris, dan mempraktikkannya melalui penyertaan dalam aktiviti tertentu seperti debat dan pidato. Secara tidak langsung, aktiviti ini akan dapat membantu mahasiswa tersebut itu menguasai kemahiran berbahasa dengan baik terutama bahasa Inggeris yang menjadi aset utama yang perlu ada pada setiap pekerja.

Kesimpulannya, kokurikulum memainkan peranan amat penting dalam membentuk diri mahasiswa itu. Di samping nilai yang diperoleh untuk kebaikan dan manfaat diri, ia juga amat bernilai di mata masyarakat. Seharusnya mahasiswa perlu menyeimbangkan diri dalam kurikulum dan kokurikulum bagi masa depan yang cemerlang.

Ummu Hani' Aziz

Biro Akademik & Intelektual Young Muslim Leaders of The Future (YMLF) Universiti Sains Islam Malaysia